

>>Oleh Kusyi Hirdan

**A**PABILA topik cabul dan gangguan seksual diletakkan sebagai status perbincangan di laman sosial, sangat mengejutkan apabila begitu ramai yang memberi komen mengenai pengalaman mereka.

Majoriti wanita melalui pengalaman tidak menyeronokkan itu di tempat awam seperti di dalam kereta api, transit aliran ringan (LRT) dan bas.

Setiap seorang yang menceritakan pengalaman dirapati kemudian digesel dari belakang oleh lelaki gila seks mengakui ia suatu pengalaman amat menakutkan dan berbekas di hati. Ia sering berlaku di tempat awam, di tengah kesibukan orang ramai yang sepatutnya mereka berasa selamat dan terjamin tetapi itu yang dicari oleh lelaki pencabul.

Semakin ramai orang, semakin sibuk suasana, semakin senang dia menjalankan 'aktivitinya'. Apabila menceritakan pengalaman, ada yang memberitahu pengalaman dicabul lelaki di tempat awam berlaku bukan sekali tetapi banyak kali.

Berkenaan tindak balas pula, walaupun ada yang berani memarahi semua lelaki si pencabul, ada yang memukul dengan beg tangan tetapi majoritinya lari menjauh dan menyelamatkan diri tanpa melakukan apa-apa. Pengalaman ngeri sebegini kalau boleh tidak mahu dikenang lagi.

Apabila kita mendiamkan

diri maka si pencabul bebas meneruskan 'minatnya' berkali-kali dan lebih ramai lagi wanita yang menjadi mangsa. Wanita yang menjadi mangsa itu pula tanpa mengira usia kerana ada yang masih kanak-kanak, remaja dan ada yang sudah agak berusia.

Sebagai wanita, penulis juga antara yang pernah melalui pengalaman ini. Kita boleh perasan apabila seseorang itu berdiri terlalu rapat di belakang kita malah sampai mengenai kita. Nafasnya sendiri dapat kita rasai. Merasa sesuatu yang tidak kena, kita pergi ke tempat lain.

Sebagai wanita dewasa, kita mungkin boleh mengesan dan peka tetapi bagaimana sekiranya cabul itu terjadi kepada kanak-kanak atau remaja yang langsung tidak mengerti apa yang berlaku pada dirinya?

Pada hari terakhir satu festival buku baru-baru ini, penulis secara tidak sengaja menyaksikan kes cabul yang berlaku di dalam kesesakan orang ramai di Pusat Dagangan Dunia Putra itu.

Ia bermula apabila seorang kawan, Puan Nor (bukan nama sebenar) yang mempunyai sebuah gerai pameran buku di festival buku itu menyaksikan persembahan pertunjukan fesyen Muslimah di ruang legar berdekatan.

Puan Nor cepat sedar dirinya digesel oleh seorang lelaki yang berdiri sangat rapat di belakangnya. Menyedari apa yang dibuat lelaki itu adalah cabul dia berpaling dan segera menghampiri penulis dan seorang rakan lagi memberitahu apa yang berlaku.

Puan Nor mengajak kami mengekori lelaki itu supaya dapat mengambil gambarnya. Bagi penulis, wanita memang sifatnya tidak berani jadi apabila menghadapi perkara sebegini, amat perlu kita bersatu supaya

keberanian menjadi kukuh. Sekiranya Puan Nor keseorangan tentu dia tidak begitu berani tetapi memandangkan kami bertiga, kami berasa perlu melakukan sesuatu.

Kami bertiga mengekori lelaki itu dan nampak dia sedang mencari mangsa kedua tetapi wanita itu cepat-cepat berlalu, ini membuatkan lelaki itu mencari mangsa seterusnya. Dia kemudiannya menghampiri seorang remaja perempuan yang asyik melihat pertunjukan yang masih berlangsung dengan kawan dan ibu kawannya.

Apabila melihat lelaki itu masih dengan 'aktivitinya', Puan Nor tidak boleh membiarkan ia terus berlaku. Dalam cemas, gigil dan marah, dia segera menarik budak perempuan itu jauh dari si lelaki itu dan terus memberitahu apa yang berlaku.

Lelaki itu cepat-cepat berlalu dan waktu itu kami tidak berfikir apa-apa selain menyelamatkan remaja perempuan itu yang bernama Adik Sha (bukan nama sebenar).

Setelah mengetahui apa yang berlaku, Adik Sha sangat terkejut dan takut. Dia pucat. Umurnya baru 13 tahun dan tentu Adik Sha tidak menyangka menjadi mangsa sebegini.



Ada yang bertanya kami kenapa tidak terus saja menangkap lelaki itu? Sekiranya ada lelaki lain bersama kami mungkin perkara itu berlaku tetapi kami bertiga hanya perempuan dan dalam waktu yang singkat itu perkara paling penting yang mahu kami lakukan ialah menyelamatkan Adik Sha.

Penulis, Puan Nor dan seorang kawan lagi kembali ke gerai pameran kami dan terus memuat turun gambar ke dalam komputer. Adik Sha yang kini sudah turut ditemani ibunya kelihatan melapor kejadian kepada pihak keselamatan PWTC. Melihat keadaan itu kami terus berkongsi gambar yang kami ada dengan mereka semua.

Untuk tahap ini penulis gembira kerana semua pihak mangsa yang terbabat tidak membiarkan perkara itu berlaku begitu saja. Pihak keluarga Adik Sha dan Puan Nor sama-sama mengadu kepada pihak keselamatan.

Kira-kira 20 minit selepas itu wakil pihak keselamatan datang ke gerai pameran kami dan memberitahu mahu meminta kami mengecam pelaku yang sudah pun ditangkap.

Tanpa banyak soal kami

mengekori wakil pihak keselamatan itu ke pejabat mereka dan setelah sampai kami lihat Adik Sha dan keluarga sudah sedia menunggu. Dengan gambar dan penerangan yang kami berikan kepada pihak keselamatan, dengan mudah mereka mengesan pelaku yang masih berada di ruang pameran yang lain pula.

Kami diberitahu sebentar lagi pihak polis akan datang membawa lelaki itu ke balai. Lelaki itu berumur 40-an dan tinggal di Kuala Lumpur. Dia sudah berkahwin dan mempunyai beberapa orang anak. Itu sedikit maklumat yang kami dapat daripada pihak keselamatan.

Setelah itu kami diberitahu perlu ke Balai Polis Dang Wangi bagi membuat laporan bertulis. Puan Nor melapor sebagai mangsa manakala penulis dan rakan sebagai saksi.

Kami akur lagi dan saling memberi semangat antara satu sama lain supaya jangan 'rapuh' di tengah jalan.

Dari PWTC kami berkereta ke Balai Polis Dang Wangi dan meninggalkan ruang pameran yang kami sertai ketika itu. Waktu itu baik Puan Nor dan penulis sendiri berasa betapa perlunya kami melakukan perkara ini supaya lelaki itu tidak boleh mengulangi perbuatannya.

Setelah membuat laporan di balai polis, kami diberitahu pula perlu ke Ibu Pejabat Polis Kuala Lumpur (IPK) untuk melapor kepada pegawai khas menjaga hal jenayah cabul.

Waktu itu kami saling berpandangan kerana sangkaan kami semuanya selesai setelah laporan yang pertama sebaliknya ada lagi laporan yang perlu dibuat dan di tempat yang lain sama sekali.

Keadaan ini menyedarkan saya mengapa begitu ramai yang mengambil keputusan

tidak mahu membuat laporan langsung kerana ia bukan proses yang mudah. Setiap kali membuat laporan, kami perlu berulang-ulang menceritakan perkara yang sama walau sudah dicatat melalui komputer.

Terfikir juga, tidak bolehkah pihak polis di Dang Wangi menghantar e-mel laporan kami ke IPK kerana apabila di IPK, kami perlu membuat perkara yang sama sekali lagi. Keadaan sebegini mudah sekali membuat orang putus asa dan lemah semangat. Tetapi ini mungkin prosedur yang perlu kami lakukan.

Selepas dua sesi laporan, kami diberitahu selepas ini mungkin akan dihubungi lagi untuk maklumat tambahan dan kemudian perlu menjadi saksi di mahkamah.

Proses demi proses perlu kami lalui dalam memastikan keadilan dapat ditegakkan. Kami bukan hanya saling memberi semangat antara satu sama lain tetapi juga kepada Adik Sha dan keluarganya.

Dari jam 3 petang perkara itu berlaku, kami selesai di IPK menjelang jam 11 malam dan memang ia suatu proses yang amat memenatkan. Bayangkan sekiranya ia membabitkan kanak-kanak dan orang tua.

Namun dengan segala apa yang berlaku, penting bagi pihak keluarga atau orang terdekat mangsa memberi semangat dan kekuatan kepada mangsa supaya jangan putus asa dan teruskan juga membuat laporan mengenai kejadian cabul.

Masyarakat juga harus sentiasa mengambil sikap prihatin dan bukan menakutkan mangsa supaya tidak meneruskan mengambil tindakan.

Di dalam laman sosial tidak kurang yang memberi maklum



# Usah gentar hadapi pencabul

Mangsa di tempat awam tidak boleh diamkan diri  
sebaliknya lapor polis supaya penjenayah dapat dijejaki

balas seperti risau si pelaku akan membalas dendam kepada kita sekiranya dia keluar penjara kelak. Ada juga yang mengatakan tidak perlu mendakwa pelaku kerana kasihan pada anak-anaknya kelak. Sekiranya kita semua mempunyai sikap sebegitu tidakkah ini akan membuatkan perilaku cabul semakin berleluasa?

Ibu kepada Adik Sha, Puan Es memberitahu penulis dia amat kecewa dan marah dengan perkara terbabit.

"Ia berlaku di festival buku pula, tempat kebanyakan kita membawa anak-anak mencari buku. Ia tempat yang dipercayai untuk melakukan aktiviti keluarga. Malangnya ia dicemari dengan kejadian


sebegini," katanya.

Kadang-kadang wanita yang menjadi mangsa memang mahu membuat laporan dan menghukum si pelaku itu tetapi mereka tidak kuat semangat dan tiada sokongan daripada orang terdekat.

Sebab itu sekiranya perkara cabul ini menimpa orang terdekat, sokonglah tindakan mereka yang mahu mendapatkan keadilan.

Bagi Puan Nor walaupun diberitahu pihak polis mengenai proses seterusnya yang akan dialui seperti perlu ke mahkamah dan seumpamanya, nampak tidak luntur semangatnya.

"Saya mahu meneruskan sehingga yang bersalah dihukum. Saya tak boleh biarkan ia berlaku lagi," katanya.



Puan Nor mahu pencabul lain mendapat pengajaran daripada kejadian yang berlaku ini dan menghentikan perlakuan mereka. Ini kerana walaupun jumlahnya sedikit, wanita di Malaysia sudah semakin berani dan tidak mahu lagi

membiarkan maruah mereka dipergunakan.

"Biarlah sedikit susah asal anak dan cucu kita kelak tidak menjadi mangsa seterusnya," katanya.

Jangan reda dan membiarkan pencabulan yang berlaku pada

anda di dalam kereta api atau bas dengan beranggapan ia tidak mungkin berlaku lagi ke atas kita kerana kita akan semakin berhati-hati selepas ini. Kita sepatutnya menghentikan ia daripada berlaku lagi supaya tiada mangsa yang menerima nasib yang sama.

Di laman sosial apabila topik gangguan seksual atau cabul dibangkitkan, ramai yang tampil berkongsi pengalaman mereka. Ada yang mengaku pernah beberapa kali mengalami situasi gangguan seksual tetapi hanya memendam perasaan kerana rasa malu untuk meluahkan perasaan.

Ada juga yang mempunyai sedikit keberanian dengan menjerit dan menggunakan apa yang ada di tangan sebagai

senjata. Ada yang mengaku ia kenangan terpahit tetapi kerana mengalaminya ketika kecil dia tiada kekuatan untuk membuat pendedahan.

Ada seorang berkongsi pengalamannya yang selalu berhadapan dengan gangguan seksual di tempat awam yang sesak. Setiap kali terkena dia kehilangan kata-kata dan hanya berlalu dan mengelakkan diri. Hendak menjerit pun dia tidak berani.

Cabul dan gangguan seksual memberi impak yang mendalam kepada mangsa dan tidak harus dipandang remeh. Baik yang pernah menjadi mangsa mahupun belum mengalaminya sendiri. Ia isu yang perlu ditangani dan disokong bersama-sama.

# Mangsa cabul, rogol perlu diberi kaunseling

**A**NTARA punca cabul, rogol dan sumbang mahram sukar dikesan dan menghukum si pelaku adalah sikap mangsa yang tidak mahu mengadu, mendiamkan diri dan melarikan diri daripada masalah tanpa mahu menyelesaikan perkara berkenaan. Ia bukan saja membabitkan mangsa kanak-kanak tetapi wanita dewasa.

Ia suatu kenangan pahit yang mahu dibiarkan berlalu, tidak mahu dikenang dan mahu dikuburkan. Ada yang mengambil pendekatan berpindah dan memulakan hidup baru tanpa mengambil apa-apa tindakan.

Keadaan ini juga antara sebab si pelaku melakukan perkara sama pada orang lain dan sejarah kemudiannya terus berulang. Kita kadangkala lebih berasa geram pada mangsa daripada si pelaku itu sendiri. Kita akan mengungkapkan,

“Kenapa si mangsa tidak mengadu? Sekiranya orang pertama mengadu, ia tidak berlaku pada mangsa kedua, ketiga dan seterusnya!”

Tetapi, mungkin senang kita menyesali keadaan kerana kita bukanlah mangsa. Apa yang dialami oleh mangsa tidak tercapai dek akal kita. Kita rasa bukan perkara yang susah untuk membuka mulut, mengadu dan menghukum si pelaku. Sebenarnya ia sesuatu yang sangat sukar bagi mangsa, sama ada mangsa rogol ataupun cabul.

Pegawai Psikologi, Jabatan Psikiatri, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Mohammad Afizul

Mohammad,

berkata apabila seseorang menjadi



**MOHAMAD AFIZUL...**sangat elok mangsa diberikan bantuan kaunseling.

mangsa, bukan mudah bagi dirinya menerima keadaan dan meneruskan kehidupan.

Kejadian itu sebenarnya menghantui hidupnya. Walaupun diri dicabul atau dirogol, mangsa terutama wanita lebih memilih untuk berdiam diri.

“Mereka mungkin berdiam kerana berasa itu yang terbaik dan paling selamat. Daripada sudut psikologi, mangsa mungkin juga takut hendak mengadu kerana faktor trauma. Sebab itu sekiranya kita menyuruh mangsa supaya mengambil masa seberapa lama sebelum menceritakan pengalamannya, ia akan memburukkan lagi keadaan. Bagi si mangsa mahu mengingat kembali, proses imaginasi itu sendiri membuatkan mangsa semakin trauma dan ketakutan. Mengenang kembali sesuatu yang pahit seperti pengalaman dicabul dan dirogol bukan perkara yang mudah,” katanya.

Ini antara sebab mangsa tidak mahu mengenang dan bila dikenang ketakutan dan kesedihan akan datang kembali.

“Jadi untuk mangsa melapor atau bercakap mengenai kejadian yang menyimpannya, faktor trauma itu perlu diatasi terlebih dulu,” kata Afizul.

Mangsa pula semakin sukar mengadu dan membuka mulut mengenai apa yang berlaku pada dirinya apabila ia dicabul oleh orang yang dikenalnya.

“Apa yang sebenarnya dirasai ialah malu tetapi dia akan mencari alasan lain seperti kasihan

pada keluarga si pencabul atau perogol, mahu menjaga perasaan keluarga pencabul atau perogol, kasihan pada masa depan keluarga pencabul dan anak-anaknya yang masih kecil, siapa yang akan jaga anaknya jika lelaki itu ditangkap dan macam-macam lagi alasan yang dicari.

“Dia akan mencari alasan yang kena menjaga perasaan semua orang kecuali perasaan dirinya sendiri. Dalam psikologi ia dipanggil ‘mekanisme helah bela diri’. Dengan pelbagai helah ini dia berasa perlu untuk mendiamkan diri,” katanya.

Bagaimana mengatasi kesan trauma?

“Mengatasi masalah trauma memang mengambil masa yang lama, ia mengikut taraf trauma mangsa itu sendiri. Mengatasinya mungkin mengambil masa bertahun. Trauma bukan membabitkan mangsa cabul atau rogol saja tetapi yang mengalami kejadian lain seperti kehilangan dan kematian orang terdekat.

“Sebab itu dalam proses kaunseling yang kami jalankan kepada mangsa trauma ia perlu melalui peringkat demi peringkat, sedikit demi sedikit. Setelah itu, pada proses terakhir baru kita tahu sama ada mangsa sudah pulih atau tidak. Selalunya kita sebagai kaunselor boleh tahu sekiranya mangsa sudah boleh menerima hakikat dan mengatasi traumanya serta meneruskan kehidupan,” katanya.

Malu membuatkan mangsa cabul dan rogol terlalu memikirkan pandangan orang berbanding menghukum si pesalah. Bila keadaan sungguh menekan ada yang sampai mahu membunuh diri.

“Sebab itu faktor agama dan pegangan sangat membantu. Dalam Islam kita ada satu perkataan ajaib iaitu reda. Apabila dapat menerima ketentuan dan reda dengan apa yang terjadi, orang Islam lebih mudah meneruskan kehidupan,” katanya.

Kebanyakan mangsa takut ke depan kerana faktor budaya kita yang memang takut ke hadapan, suka menyimpan dan berasa ia membabitkan maruah diri yang tidak perlu diketahui oleh orang lain. Apabila orang lain tahu, gelaplah masa depan, itu pandangan mereka.

“Kesan trauma membuatkan mangsa cabul atau rogol berasa diri mereka kotor, bersalah dan maruah diri sudah hilang. Perkara terbaik bagi mereka ialah diam. Bagi mereka, ia untuk kebaikan semua pihak manakala maruah keluarga paling utama,” katanya.

Ramai yang tidak tahu, mangsa cabul atau rogol juga mendiamkan diri kerana ancaman. Ancaman lebih ketara apabila ia membabitkan orang terdekat. Dia mungkin menerima ancaman supaya mengunci mulut daripada si pelaku yang dikenalnya. Mungkin juga daripada ahli keluarga seperti ibu bapa yang memaksa dia menutup mulut kerana faktor maruah.

Mohammad Afizul berpendapat, sangat elok mangsa cabul atau rogol yang trauma diberikan bantuan kaunseling.

“Mereka wajib mendapat bantuan kaunseling daripada kaunselor berdaftar supaya keadaan mangsa tidak menjadi lebih buruk. Selalunya mangsa menjadikan kawan sebagai tempat mengadu. Mereka jarang sekali mengadu pada ibu bapa. Ini membuatkan ada

yang mengadu pada orang yang salah, tidak tahu cara atau lorong sebenar. Apabila mengadu pada orang yang salah, keadaan makin bertambah buruk,” katanya.

Kesan trauma sekiranya tidak diatasi akan membuatkan mangsa mengalami ketakutan berpanjangan dan berasa semua orang salah terhadapnya. Dia akan mudah salah sangka dan membandingkan dengan kejadian yang menyimpannya.

“Ada suatu kes mengenai gangguan seksual di tempat kerja yang dilalui oleh seorang wanita. Dia tidak mengadu pada sesiapa sebaliknya memendam perasaan. Kemudian bagi melarikan diri daripada masalah dia berhenti dan bekerja di tempat lain. Di tempat kerja baru, dia langsung tidak boleh berkawan dengan pekerja lelaki yang lain sehingga ada yang menegur pun dia anggap berbahaya.

“Dia rasa takut. Ini sebenarnya terjadi kerana masalah di tempat kerja lamanya yang tidak diselesaikan yang dibawa ke tempat baru sedangkan masalah itu bukan di tempat kerja baru,” katanya.

Orang terdekat mangsa cabul atau rogol harus bersikap terbuka dan memahami bahawa mangsa bukan sengaja mengunci mulutnya. Faktor trauma yang dialami mangsa mungkin tidak terbayang kita. Bantu mereka mengatasi trauma itu dulu sebelum mereka dapat membuka mulut dan mengadu perlakuan si pesalah. Seterusnya beri semangat kepadanya agar si pelaku dapat dihukum seadilnya.